

Dr M pertahan Tengku Mahaleel

Tindakan membuat kenyataan mengenai Proton tanggungjawab ketua eksekutif

BH-6179205



Oleh Azizi Othman
dan Abdul Halim Yusoff

KUALA LUMPUR: Penasihat Proton, Tun Dr Mahathir Mohamad, semalam mempertahankan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Tengku Tan Sri Mahaleel Tengku Ariff, yang dilaporkan menghadapi masalah kerana mengkritik dasar automotif kerajaan.

Memberitahu sidang akhbar di sini, bekas Perdana Menteri itu berkata, Tengku Mahaleel bertanggungjawab untuk mempertahankan dan memperbetulkan sebarang maklumat tidak tepat mengenai syarikat itu.

“Tindakan Tengku Mahaleel membuat kenyataan untuk mempertahankan Proton itu adalah sesuatu yang memang sepatutnya dibuat seseorang yang menjadi ketua eksekutif.

“Malah, ia adalah juga satu tindakan yang sepatutnya dilakukan oleh Pengerusi Proton,” katanya.

Jumaat lalu, media melaporkan mesyuarat Lembaga Pengarah Proton pada Rabu lalu meminta Tengku Mahaleel memberi penjelasan kerana mempertikaikan dasar automotif kerajaan, dalam satu temubualnya dengan akhbar berbahasa Cina, *Oriental Daily*.

Dalam temu bual itu, Tengku Mahaleel antara lain dipetik sebagai berkata, Proton diberikan layanan buruk oleh kerajaan – yang juga pemegang saham utama syarikat berkenaan menerusi Khazanah Holdings Bhd. Beliau juga marah dengan kritikan terhadap Proton oleh ahli politik dan pegawai kerajaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selepas memperkerusi mesyuarat Khazanah minggu lalu, bagaimanapun berkata, tiada keputusan dibuat untuk me-

ngetepikan Tengku Mahaleel.

Dr Mahathir menegaskan, beliau bukan bermaksud untuk mempertahankan kedudukan Tengku Mahaleel sebaliknya mahu melindungi Proton kerana beliau sendiri ialah penasihat syarikat berkenaan.

“Saya adalah penasihat Proton dan bukannya penasihat Tengku Mahaleel. Tanggungjawab saya ialah untuk memastikan Proton mendapat layanan yang adil,” katanya yang berharap kenyataannya itu ‘tidak memeningkan sesiapa’.

Beliau berkata, seorang ketua eksekutif atau pengerusi yang baik mesti mempertahankan syarikat mereka daripada sebarang tuduhan tidak tepat dan Tengku Mahaleel mengambil tindakan yang betul bagi memperjelaskan keadaan.

Ditanya mengenai kedudukan Tengku Mahaleel, Dr Mahathir berkata, sehingga kini beliau masih Ketua Eksekutif Proton dan tidak mengetahui mengenai kewujudan sebarang usaha menyingkirkannya.

Mengenai pertemuannya selama sejam 15 minit dengan Pengerusi Proton, Datuk Azlan Hashim di Putrajaya kelmarin, Dr Mahathir berkata, ia hanya untuk mendapatkan latar belakang mengenai perkembangan semasa.

“Saya faham bahawa sebagai penasihat, tidak semestinya nasihat saya diterima lembaga pengarah. Bagaimanapun, adalah tidak wajar bagi Lembaga Pengarah Proton jika tidak meminta nasihat daripada saya.

“Saya ada berbincang dengan Azlan. Saya juga ada berbincang dengan Tengku Mahaleel tetapi mereka tidak memberitahu sebarang usul mengenai surat penjelasan atau pengundurannya sebagai ketua eksekutif,” katanya.